

# DASAR SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA TERHADAP PENDIDIKAN DI SABAH, 1881-1940

Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli\*

## Abstrak

Pelaksanaan pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara mulai tahun 1881 telah menjadi titik permulaan yang sangat penting kepada perkembangan sistem pendidikan moden di Sabah. Sebagai sebuah syarikat, didapati pada peringkat awal Syarikat Berpiagam Borneo Utara lebih memfokuskan kepada pembangunan ekonomi berbanding aspek pendidikan dalam kalangan penduduk tempatan. Sebaliknya, para mubaligh Kristian telah mengambil langkah awal dengan menubuhkan sekolah yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Pada masa yang sama, pemodal Cina juga turut mengambil inisiatif dengan menubuhkan sekolah Cina. Pentadbiran syarikat yang semakin kukuh memasuki dekad terawal abad ke-20 menyebabkan aspek pendidikan mula diberi perhatian khusus menerusi penubuhan sekolah Melayu. Langkah ini diambil berikutan penubuhan sekolah Inggeris oleh para mubaligh Kristian dan sekolah Cina oleh pemodal Cina yang dilihat telah berupaya mempengaruhi status quo penduduk tempatan. Justeru sekolah yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan memberi keutamaan kepada penggunaan Bahasa Melayu dan pendidikan asas. Malah dasar syarikat juga dilihat tidak menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar tempatan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu didapati pihak syarikat sendiri telah menyumbang kepada perkembangan sekolah Inggeris yang dikelola oleh para mubaligh menerusi pemberian bantuan kewangan. Sekolah Cina yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar juga turut diberi bantuan kewangan. Justeru, penubuhan sekolah oleh pihak kerajaan dan bantuan kewangan yang diberi kepada para mubaligh dan pemodal Cina secara tidak langsung telah menyumbang kepada perkembangan sistem pendidikan pelbagai aliran di Sabah.

**Kata kunci:** sekolah kerajaan; bantuan kewangan; sekolah Inggeris; sekolah Cina; Syarikat Berpiagam Borneo Utara.

---

\* Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli merupakan pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

## Pengenalan

Pengasasan Sabah sebagai sebuah entiti politik pada tahun 1880-an sebaik sahaja ditadbir oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) telah membentuk satu sistem pentadbiran birokrasi yang moden dan teratur. Pelaksanaannya telah membawa kepada pengenalan pelbagai idea pembaharuan untuk disesuaikan dengan setiap aspek kehidupan masyarakat tempatan. Salah satu pembaharuan yang diperkenalkan oleh SBBU semasa tempoh pentadbirannya ialah aspek pendidikan. Menerusi pentadbirannya, satu sistem pendidikan yang moden dan formal mula disesuaikan dalam sistem sosial masyarakat. Corak pembangunannya dilihat menyamai dengan apa yang dipraktikkan oleh pihak British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) iaitu memberi perhatian kepada pendidikan dalam bahasa Melayu. Walaupun pendekatan yang sama dijadikan amalan dan falsafah pendidikan SBBU untuk membangunkan pendidikan, namun prosesnya hanya bermula setelah empat dekad SBBU mentadbir Sabah.

Semasa menjalankan pentadbirannya, SBBU memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan dalam kalangan penduduk tempatan sebagai salah satu obligasi sosialnya. Bersesuaian dengan itu, pihak kerajaan memberi perhatian kepada pendidikan dalam bahasa Melayu dan berusaha untuk menjadikannya sebagai identiti kepada dasar pendidikannya. Hal ini dapat dibuktikan menerusi inisiatif yang diambil seperti penubuhan sekolah kerajaan dan pelaksanaan sistem kurikulum berteraskan Bahasa Melayu selain tidak menjadikan bahasa Inggeris sebagai modul pembelajaran. Walau bagaimanapun, usaha tersebut tidak begitu memberi kesan. Maksudnya di sini, penekanan terhadap pendidikan dalam bahasa Melayu tidak banyak menyumbang kepada kemajuan pendidikan di Sabah. Sebaliknya, pendidikan Inggeris yang tidak menjadi keutamaan pihak kerajaan telah muncul sebagai pelopor kepada kemajuan pendidikan di Sabah. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan dasar pendidikan yang jelas dan menyeluruh semasa pentadbiran SBBU. Sememangnya pihak kerajaan tidak menitikberatkan pendidikan Inggeris kepada penduduk tempatan. Pihak kerajaan bukan sahaja menafikan pendidikan Inggeris sebagai modul pembelajaran di sekolah kelolaannya, malah sepanjang pentadbirannya, tiada satu pun sekolah Inggeris dibina oleh kerajaan. Namun begitu, dalam keadaan tertentu, pihak kerajaan sendiri memberi bantuan dan galakan kepada mubaligh Kristian untuk menubuhkan sekolah Inggeris dan memberi pendidikan kepada penduduk tempatan.

## Pembentukan Sabah Sebagai Satu Unit Politik

Proses pembentukan Sabah sebagai sebuah negeri mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana diilhamkan oleh sebuah syarikat swasta. Keadaan ini menyebabkan hal ehwal dalaman Sabah berkembang dalam dimensi yang berbeza jika dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Pada mulanya, Sabah merupakan salah sebuah kawasan yang terletak di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei (Lihat Peta 1). Kedudukan ini berkekalan setidaknya sehingga awal abad ke-18 sebelum sebahagiannya diserahkan kepada Sultan Sulu pada tahun 1704.<sup>1</sup> Berikutan bantuan yang diberikan dalam menghapuskan pemberontakan,

---

1 Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 15.

Sultan Brunei telah menyerahkan sebahagian kawasan di pantai timur dari Sungai Padasan ke Sungai Sibuku, Maludu, Sandakan, Teluk Darvel dan Teluk Sibuku kepada Sultan Sulu.<sup>2</sup> Oleh itu, sebelum muncul sebagai sebuah unit politik pada penghujung abad ke-19, Sabah tertakluk di bawah dua kesultanan iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu.

**Peta 1: Kerajaan Brunei Kurun ke-15 dan 16**



*Sumber:* Haji Tassim Bin Haji Abu Bakar, Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906 – 1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam, *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 1(2):113-124, 2003, hlm. 115.

Pertembungan kuasa-kuasa barat seperti Amerika Syarikat, Sepanyol dan British membuatkan kekuasaan kedua-dua kesultanan tersebut terhadap Sabah semakin lemah dan beralih ke tangan British. Campur tangan yang berlaku ini bukan sahaja mengubah landskap politik, malah menjadi titik permulaan kepada pembentukan Sabah sebagai sebuah entiti politik. Proses tersebut setidaknya-tidaknya bermula apabila Amerika Syarikat menghantar konsulnya, Charles Lee Moses yang kemudiannya menandatangani dua perjanjian masing-masing dengan Sultan Brunei, Sultan Abdul Mumin dan Pangiran Temenggung pada Ogos 1865.<sup>3</sup> Menerusi perjanjian dengan Sultan Abdul Mumin, Moses diberi pajakan dari Sungai Sulaman di pantai barat sehingga Sungai Paitan di pantai timur dengan bayaran \$4,500 setahun.<sup>4</sup> Manakala

2 Mohd Ariff bin Dato Haji Othman, *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-undang dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1988, hlm. 4.

3 Untuk maklumat lanjut mengenai kedua-dua perjanjian ini sila rujuk, J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright (pnyt.), *A Collection of Treaties and other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963* (Vol. II), London: Oceana Publications, 1981, hlm. 418-419.

4 D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000, hlm. 113-114.

Pangiran Temenggung pula menyerahkan kawasan Benoni, Kimanis, Paitan, Sugut, Bongaya, Labuk, Sandakan, Kinabatangan, Cagayan dan Muming dengan bayaran \$4,000 setahun.<sup>5</sup>

Namun pada September 1865, Moses telah menjual konsesinya kepada Joseph W. Torrey, Thomas Bradley Harris dan Wo Hang (kemudiannya digantikan oleh Lee Assing dan Pong Ampong). Setelah itu, mereka membentuk *The American Trading Company* untuk mengusahakan kawasan pajakan tersebut. Bagi mengukuhkan lagi kedudukan mereka, satu perjanjian telah ditandatangani dengan Sultan Abdul Mumin pada 24 November 1865.<sup>6</sup> Menerusi perjanjian berkenaan, Torrey diberi beberapa keistimewaan seperti dilantik menjadi Raja Ambong dan Marudu, mempunyai hak membuat undang-undang, menjatuhkan hukuman mati dan sebagainya.<sup>7</sup> Masalah kewangan yang dihadapi dan kematian Harris telah membuatkan Torrey mengambil keputusan untuk menjual konsesinya kepada Konsul Besar Austria-Hungary, Gustavus Baron de Overbeck yang bekerjasama dengan Alfred Dent. Penyerahan ini disahkan menerusi satu perjanjian yang dibuat pada 29 Disember 1877 antara Sultan Abdul Mumin dan Pangiran Temenggung dengan Overbeck dan Dent. Menerusi perjanjian tersebut, Overbeck dikehendaki membayar pajakan konsesinya sebanyak \$15,000 setahun.<sup>8</sup> Pada masa yang sama, beliau telah dilantik sebagai Maharaja Sabah dan Raja Gaya dan Sandakan oleh Sultan Abdul Mumin.<sup>9</sup> Menyedari konsesinya berada di bawah kekuasaan Sultan Sulu, maka Overbeck telah mengadap Sultan Jamal al-Alam untuk mengesahkan pemilikan konsesinya.<sup>10</sup> Hasilnya pada 22 Januari 1878, Sultan Jamal al-Alam bersetuju memberi konsesi kepada Overbeck dengan bayaran sebanyak \$5,000. Overbeck turut diberi gelaran Datu Bendahara dan Raja Sandakan yang membolehkannya mengutip cukai, menggubal undang-undang, membuat mata wang dan sebagainya.<sup>11</sup> Bagi menguruskan konsesi yang diperolehnya, Overbeck dan Dent telah menubuhkan *Overbeck-Dent Association* pada 27 Mac 1877.

Melihat jangka masa antara tahun 1865 sehingga 1877, jelas menunjukkan Sabah ditadbir oleh syarikat. Peranan syarikat dalam mencorakkan pentadbiran di Sabah masih berkesinambungan bagi tahun-tahun berikutnya dan diperkukuhkan lagi dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan British. Pada September 1880, Overbeck telah menjual semua haknya kepada Dent. Kesempatan ini digunakan oleh Dent untuk mengukuhkan kedudukannya dengan membuat permohonan mendapatkan Piagam Diraja dari Kerajaan British. Permohonan tersebut diluluskan oleh Kerajaan British pada 1 November 1881 yang seterusnya membawa

5 *Ibid.*

6 Sabihah Osman, "Persempadanan Negeri Sabah: Konsep dan Taksiran", *Kumpulan Kertas-kertas Kerja Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012, hlm. 14.

7 J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright (pnyt.), *A Collection of Treaties and other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963* (Vol. II), London: Oceania Publications, 1981; hlm. 420-421; D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000, hlm. 114; Whelan, F.G., *A History of Sabah*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970 hlm. 141.

8 Sharifah Darmia Sharif Adam, Perkembangan Pentadbiran di Sabah, 1881-1963, dlm. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Noor Ain Mat Noor (pnyt.), *Dasar dan Tadbir dalam Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015, hlm. 89.

9 J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright (pnyt.), *A Collection of Treaties and other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963* (Vol. II), hlm. 434-435.

10 Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 18.

11 Sharifah Darmia Sharif Adam, Perkembangan Pentadbiran di Sabah, 1881-1963, hlm. 89. J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright (ed.), *A Collection of Treaties and Other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963* (Vol. II), hlm. 436-439.

kepada penubuhan SBBU pada bulan Mei 1882.<sup>12</sup> Pengurniaan Piagam Diraja telah memberi kuasa kepada SBBU yang merupakan sebuah syarikat untuk menjalankan pentadbirannya berasaskan sistem pentadbiran British sebagaimana yang termaktub di dalam piagam berkenaan.<sup>13</sup> Dengan kata lain, Piagam Diraja membolehkan pihak syarikat mentadbir konsesi yang diperolehnya sebagai satu unit politik atau negeri yang diiktiraf dan dinaungi oleh Kerajaan British. Walau bagaimanapun, piagam berkenaan tidak menyatakan dengan jelas mengenai keperluan SBBU untuk memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan dalam kalangan masyarakat di Sabah. Selain itu, Kerajaan British juga tidak memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan walaupun menjadi penaung kepada pentadbiran SBBU di Sabah. Lantaran itu, hala tuju pendidikan di Sabah dibentuk menerusi falsafah dan dasar yang diterapkan oleh SBBU itu sendiri. Keadaan ini membuatkan pendidikan di Sabah berlangsung dari perspektif yang berbeza kerana digerakkan oleh sebuah syarikat iaitu SBBU.

### **Kemunculan Sistem Pendidikan Pelbagai Aliran di Sabah**

Setiap kumpulan masyarakat sememangnya mempunyai sistem pendidikannya yang tersendiri. Pada tahap awal, sistem pendidikan wujud dalam bentuk yang mudah iaitu penyampaian secara lisan dari satu kelompok masyarakat kepada masyarakat yang lain atau dari ibu bapa kepada anak-anak mereka. Terdapat juga proses pembelajaran yang berlangsung secara teratur dari seorang guru yang mahir dalam sesuatu bidang seperti hal-hal agama. Sistem pendidikan kemudiannya mula mengalami perubahan sejajar dengan keperluan dan keadaan semasa. Di Sabah, penghujung abad ke-19 merupakan fasa berlakunya perubahan dalam sistem pendidikan masyarakat. Keadaan ini berlaku disebabkan wujudnya pengaruh dari luar ke dalam sistem dan struktur sosial masyarakat. Tidak dinafikan untuk tempoh sebelum tahun 1881, walaupun Sabah masih belum wujud sebagai sebuah entiti politik, namun penduduknya sudahpun mempunyai sistem pendidikan. Pada ketika itu, proses penyebaran ilmu khususnya bagi bumiputera beragama Islam dijalankan secara tidak formal di masjid, surau dan rumah guru. Misalnya, Pehin Khatib Muhammad bin Hassan yang berasal dari Kampung Lurong Sikuna, Brunei dikatakan mempelajari ilmu agama ketika bersama-sama dengan bapanya merantau ke Sabah dan Sarawak.<sup>14</sup> Sementara dalam kalangan bumiputera bukan Islam pula, proses pendidikan disampaikan secara lisan melibatkan aspek kepercayaan.<sup>15</sup>

Semasa era pentadbiran SBBU, sistem pendidikan di Sabah mula mengalami proses modenisasi dan beralih ke arah yang lebih formal menerusi pembinaan institusi pendidikan seperti sekolah, pelaksanaan sistem kurikulum yang teratur dan sebagainya. Proses ini dipermudahkan lagi dengan wujudnya kerjasama dari perbadanan persendirian seperti mubaligh Kristian dan komuniti Cina. Rentetan daripada ini membuatkan perkembangan

---

12 Untuk maklumat lanjut mengenai Piagam Diraja yang diberikan, sila rujuk J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright (ed.), *A Collection of Treaties and other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963* (Vol. II), hlm. 450-463; Ian Black, *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company Rule in Sabah, 1878-1915*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 32.

13 Sabihah Osman, "Persempadanan Negeri Sabah: Konsep dan Taksira", hlm. 16.

14 Haji Tassim bin Haji Abu Bakar, *Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906-1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam*, hlm. 120.

15 Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2013, hlm. 19-47.

pendidikan pada ketika itu dicorakkan oleh tiga pihak iaitu SBBU, mubaligh Kristian dan komuniti Cina yang setiap daripadanya mempunyai hala tuju pendidikan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, peranan ketiga-tiga pihak berkenaan tidak berlaku serentak sebaliknya berlangsung dalam kadar yang berbeza dari segi momentum dan tempohnya. Tidak dinafikan SBBU bertanggungjawab mengasaskan Sabah dan menguruskan hal ehwal pentadbirannya, namun kedudukan tersebut tidak meletakkan SBBU sebagai pencetus kepada pembangunan pendidikan formal di Sabah. Sebaliknya mubaligh Kristian dan komuniti Cina yang menjadi penggerak kepada kemodenan dalam pendidikan yang bermula sejak awal tahun 1880-an lagi.

Penglibatan secara langsung pihak kerajaan dalam menyediakan pendidikan adalah bermula setelah empat dekad menguasai Sabah. Sementara jangka masa antara tahun 1881 sehingga tahun 1920-an, didapati pihak kerajaan masih belum mempunyai sebarang perancangan yang jelas untuk menyediakan pendidikan kepada penduduk tempatan. Sebaliknya, usaha tersebut dilaksanakan atas inisiatif individu tertentu terutamanya pegawai-pegawai kerajaan yang menyedari akan kepentingan pendidikan. Keadaan ini membuatkan perkembangan dan kelangsungan sesebuah sekolah itu tidak dapat bertahan lama. Misalnya, William Hood Treacher yang menjadi Gabenor antara tahun 1881-1887 berusaha menyediakan pendidikan kepada penduduk tempatan. Beliau sendiri telah memberi sumbangan untuk membina sekolah selain mendapat bantuan kewangan dan tanah dari pihak kerajaan.<sup>16</sup> Seorang imam, Sheikh Abdul Daluman telah dilantik menjadi guru untuk mengajar agama Islam dan bahasa Melayu kepada para pelajarinya. Namun begitu, disebabkan masalah kewangan, kekurangan kemudahan dan sokongan dari penduduk tempatan membuatkan sekolah berkenaan terpaksa ditutup. Manakala sekolah yang diasaskan oleh William Pryer pada Ogos 1886 dengan bantuan kewangan dari orang Eropah juga terpaksa ditutup pada tahun 1887 berikutan masalah kewangan.<sup>17</sup>

Kegagalan kedua-dua sekolah berkenaan dan pembangunan pendidikan secara umumnya menggambarkan dasar pihak kerajaan yang pada peringkat awal kurang memberi perhatian kepada obligasi sosial. Reaksi dingin pihak kerajaan terhadap keperluan untuk menyediakan pendidikan dilihat berlanjutan setidak-tidaknya sehingga awal abad ke-20. Terdapat beberapa faktor yang mengekang pihak kerajaan untuk memberi perhatian kepada hak dan keperluan penduduk semasa peringkat awal pentadbirannya. Sebaik sahaja mengasaskan pentadbirannya, kerajaan menghadapi masalah kewangan yang memaksa syarikat untuk meminimumkan perbelanjaan dan memberi perhatian kepada meningkatkan pendapatan. Prestasi kewangannya yang tidak memberangsangkan ini disebabkan oleh kegagalan beberapa tanaman komersil seperti kopi, lada hitam dan gambir untuk muncul sebagai tanaman eksport. Tidak dinafikan bahawa tanaman tembakau yang diusahakan menjadi tanaman eksport yang menguntungkan. Namun begitu, tindakan Amerika Syarikat yang mula mengenakan tarif pada tahun 1891 untuk melindungi industri tembakaunya membuatkan tanaman tembakau di Sabah mula mengalami kemerosotan.<sup>18</sup>

---

16 Tregonning, K. G., *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press, 2007, hlm. 213.

17 Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*, hlm. 64.

18 Siti Aidah Haji Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 75.

Lebih memburukkan lagi keadaan apabila SBBU menggunakan sebahagian besar pendapatannya untuk melaksanakan projek landasan kereta api pantai barat.<sup>19</sup> Landasan kereta api sejauh 116 batu yang dibina pada tahun 1896 ini meliputi kawasan Teluk Brunei, Sandakan, Tawau, Beaufort, Kota Kinabalu dan Tenom.<sup>20</sup> Kedudukan kewangannya yang tidak stabil ini membuatkan sukar bagi kerajaan untuk menyediakan peruntukan bagi membina sekolah dan membayar gaji guru. Buktinya, sekolah yang diasaskan oleh Pryer tidak mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan, sebaliknya bergantung kepada sumbangan yang diberikan oleh komuniti Eropah. Malah pihak kerajaan juga tidak membina tempat khas untuk menjalankan aktiviti pembelajaran sebaliknya sekadar menyediakan sebuah bilik di rumah *Colonial Secretary* sebagai bilik darjah.<sup>21</sup> Sementara itu, permohonan yang dibuat oleh masyarakat bumiputera beragama Islam di Semporna agar pihak kerajaan menyediakan sekolah dan membayar gaji guru juga tidak diluluskan. Hal ini disebabkan kebimbangan kerajaan sekiranya permohonan tersebut diluluskan akan mendorong penduduk di kawasan lain untuk turut membuat permohonan yang sama.<sup>22</sup>

Selain itu, penubuhan SBBU yang bermatlamatkan keuntungan turut membuat pembangunan pendidikan di Sabah terpinggir. Kecenderungan SBBU untuk mengeksploitasi ekonomi merupakan satu strategi yang sangat penting bagi mengukuhkan kedudukan kewangannya yang tidak stabil. Malah London menjangkakan SBBU akan mengalami kerugian dan mufli dalam tempoh 10 tahun pemerintahannya.<sup>23</sup> Justeru, bagi mengatasi masalah berkenaan, Treacher yang menyandang jawatan sebagai Gabenor pada masa itu dilihat lebih banyak memberi perhatian untuk meningkatkan pendapatan bagi mengimbangi perbelanjaan dan pendapatan syarikat. Dasar SBBU yang memberi perhatian kepada aspek ekonomi semata-mata sebenarnya dipengaruhi oleh Pengarah Urusannya iaitu William Clarke Cowie. Walaupun beliau menjalankan pentadbiran di London, namun kedudukannya sebagai individu penting dalam syarikat secara langsung telah banyak mempengaruhi hala tuju SBBU di Sabah.

Sejak menjawat jawatan berkenaan dari tahun 1895 sehingga 1910, Cowie dilihat lebih berminat kepada usaha mengeksploitasi ekonomi berbanding membangunkan Sabah khususnya dari segi pendidikan. Buktinya, semasa Ernest W. Birch menjadi Gabenor antara tahun 1901 sehingga 1904, beliau telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya membina enam buah sekolah di bahagian pantai barat Sabah. Menerusi penubuhan sekolah berkenaan, para pelajar akan diajar ilmu pertanian, perniagaan, pertukangan, membuat bot dan sebagainya.<sup>24</sup> Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Birch memohon bantuan kewangan dari SBBU sebanyak \$5,000. Walau bagaimanapun, Cowie tidak bersetuju dengan cadangan tersebut dan tidak meluluskan bantuan kewangan yang dibuat oleh Birch atas alasan tiada keperluan mendesak untuk membina sekolah selain melihatnya sebagai sesuatu yang tidak

- 
- 19 Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: MacMillan, 1983, hlm. 218.
- 20 Siti Aidah Haji Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran*, hlm. 79; Peter Spence Gudgeon, *Economic Development in Sabah, 1881-1981*, dlm Anwar Sullivan & Cecilia Leong (pnyt.), *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Kota Kinabalu: Sabah State Government Centerary, 1981, hlm. 187-188.
- 21 Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*, hlm. 63.
- 22 *Ibid*, hlm. 85.
- 23 Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 218.
- 24 K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, hlm. 219.

mendatangkan keuntungan kepada syarikat.<sup>25</sup> Malah semasa E. P. Gueritz menjadi Gabenor menggantikan Birch, penglibatan beliau juga dilihat terhad kepada pembangunan ekonomi syarikat.<sup>26</sup> Menurut Sabihah Osman, tindakan SBBU yang lebih menitikberatkan ekonomi membuatkan pembangunan Sabah menjadi genang tanpa kemajuan.<sup>27</sup>

Pada masa sama, kekurangan yang wujud dalam struktur pentadbiran turut menjadi halangan kepada SBBU untuk memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan. Pada peringkat awal pentadbirannya, SBBU menghadapi masalah kekurangan kakitangan yang benar-benar cekap untuk menguruskan hal ehwal syarikat. Misalnya pada tahun 1895, terdapat 28 orang kakitangan Eropah yang berkhidmat dalam pentadbiran syarikat sebelum meningkat kepada 60 orang pada tahun 1902.<sup>28</sup> Walaupun bilangan kakitangan menunjukkan peningkatan, namun jumlah tersebut masih lagi kecil untuk mentadbir keseluruhan kawasan yang berada di bawah penguasaan SBBU. Kekurangan kakitangan ini menyukarkan SBBU untuk memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan. Justeru, tidak hairanlah Jabatan Pelajaran hanya mula ditubuhkan pada tahun 1909 sekadar untuk melakukan pemeriksaan terhadap sekolah-sekolah Cina. Rentetan daripada masalah kekurangan kakitangan, SBBU mengambil langkah dengan menjadikan institusi peribumi seperti Ketua Anak Negeri, Orang Tua dan Mahkamah Anak Negeri sebagai salah satu komponen pentadbirannya.<sup>29</sup> Namun begitu, peranan pemimpin-pemimpin tempatan ini bukanlah bertujuan memajukan kehidupan penduduk dari pelbagai aspek seperti pendidikan, sebaliknya berperanan menjaga keamanan, memungut cukai dan menguruskan hal ehwal keadilan. Sementara Majlis Penasihat yang ditubuhkan pada tahun 1883 pula, lebih cenderung kepada kepentingan ekonomi dan tidak melibatkan wakil peribumi di dalamnya. Manakala Majlis Penasihat Hal Ehwal Peribumi pula hanya wujud pada namanya sahaja dan tidak benar-benar berfungsi selain tiada kuasa perundangan.

Siri penentangan yang dilakukan oleh beberapa pemimpin tempatan turut menjadi halangan kepada SBBU untuk memberi perhatian kepada hak dan keperluan penduduk tempatan. Dasar perluasan kuasa yang dilakukan oleh SBBU telah membawa kepada berlakunya gerakan anti-penjajahan di Sabah seperti penentangan Datu Baginda Putih, Pangeran Samah, Mat Salleh, Mat Satur, Pak Musa dan diakhiri penentangan Antanom pada tahun 1915.<sup>30</sup> Penentangan yang berlaku ini memaksa kerajaan memberi tumpuan kepada aspek keselamatan yang secara tidak langsung meminggirkan keperluan untuk menyediakan pendidikan. Secara umumnya, masalah-masalah yang dihadapi oleh SBBU semasa peringkat awal pentadbirannya telah menjadi penghalang kepada penyertaannya dalam memberi perhatian kepada aspek pendidikan. Keadaan ini telah membuka ruang kepada perbadanan persendirian seperti mubaligh Kristian dan komuniti Cina untuk memulakan sistem pendidikan

---

25 *Ibid.*

26 Sabihah Osman, *Pentadbiran Pribumi Sabah, 1881-1941*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia – Yayasan Sabah, 1985, hlm. 19.

27 *Ibid.*

28 *Ibid.*, hlm. 18; Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 218.

29 Sharifah Darmia Sharif Adam, *Perkembangan Pentadbiran di Sabah, 1881-1963*, hlm. 90.

30 Untuk maklumat lanjut mengenai penentangan yang dilakukan, rujuk Jamdin Buyong, *Perjuangan Peribumi Menentang Penjajahan di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat*, *Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah*, Kota Kinabalu: Yayasan Sabah, 12-16 Ogos 1981, hlm. 25-62; Tregonning, K. G., *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, hlm. 245-266.

secara formal di Sabah. Penglibatan kedua-dua pihak berkenaan membuatkan wujudnya aliran pendidikan dan sistem persekolahan yang berbeza iaitu sekolah Inggeris dan sekolah Cina.

Bagi mubaligh Kristian, terdapat sekurang-kurangnya tiga badan misi yang bergiat aktif dalam menyediakan pendidikan kepada penduduk tempatan iaitu Roman Katolik, Anglikan dan Basel. Misi Roman Katolik merupakan pihak yang terawal mengambil inisiatif memberi pendidikan formal kepada penduduk menerusi penubuhan sekolah di Papar pada tahun 1881. Seterusnya pada 24 Julai 1883, misi Roman Katolik telah membuka *Saint Mary Primary School* di Sandakan untuk pelajar lelaki diikuti *Saint Mary Convent Primary School* pada tahun 1891 untuk memberi pendidikan kepada pelajar perempuan. Penglibatan misi Roman Katolik dalam menyediakan pendidikan kepada penduduk tempatan ternyata mendapat sambutan yang menggalakkan. Misalnya Sekolah St. Augustine di Penampang yang dibuka pada tahun 1891 telah berjaya menarik minat seramai 120 orang masyarakat Kadazandusun mendaftar di sekolah berkenaan.<sup>31</sup> Begitu juga dengan Sekolah St. Michael yang ditadbir oleh Rev. A. Verhoseven memiliki pelajar lelaki seramai 129 orang.<sup>32</sup>

Selain sekolah untuk pelajar lelaki, misi Roman Katolik turut membina sekolah untuk pelajar perempuan seperti *St. Aloysius Convent Primary School*, Penampang; *St. Aloysius Primary School*, Papar dan *St. Theresa Primary School*, Tambunan. Sehingga tahun 1919, misi Roman Katolik telah berjaya membina tujuh buah sekolah.<sup>33</sup> Jumlah ini kemudiannya meningkat kepada 13 buah pada tahun 1922; 15 buah (1923); 18 buah (1924) dan 17 buah (1925).<sup>34</sup> Bilangan pelajarinya juga meningkat dari 464 orang pada tahun 1919 kepada 704 orang pada tahun 1921; 976 orang (1922) dan 1,007 orang (1925).<sup>35</sup> Sekolah yang dikendalikan oleh misi Roman Katolik dilihat terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk tempatan walaupun pihak kerajaan telah mula membina sekolahnya sendiri. Pada tahun 1930, terdapat 1,359 orang pelajar mendaftar di 18 buah sekolah yang dikendalikan oleh misi Roman Katolik. Sekolah Inggeris misi Roman Katolik terus menunjukkan perkembangan menjelang tahun 1940 dengan 27 buah sekolah merangkumi 2,304 orang pelajar. Sebahagian besar sekolah tersebut menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama manakala bahasa Melayu, Cina dan Dusun sebagai bahasa kedua.

Sementara misi Anglikan pula mula terlibat dalam memberi pendidikan kepada penduduk tempatan pada tahun 1888 menerusi penubuhan Sekolah Saint Michael di Sandakan yang khusus untuk pelajar lelaki. Pada tahun berikutnya, tumpuan diberikan kepada pendidikan dalam kalangan kanak-kanak perempuan dengan menubuhkan Sekolah Saint Monica yang dikelola oleh Puan Elton manakala Miss Eames dan Miss Clarkson berperanan sebagai guru.<sup>36</sup> Berikutnya, beberapa buah lagi sekolah telah dibina seperti *King Edward VII School* di Jesselton dan *St. Peter Primary School* di Kudat. Pada tahun 1920, terdapat lapan buah sekolah telah dibina oleh misi Anglikan dengan bilangan pelajar seramai 311 orang.<sup>37</sup> Walaupun pada

---

31 Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*, hlm. 76.

32 *ibid.*, hlm. 78.

33 Annual Report on Education for 1921, hlm. 210.

34 Annual Report on the Education Department for 1925, hlm. 107.

35 *ibid.*

36 Lisbon Malison, "Bantuan Dana Pendidikan (*Capitation Grant dan Block Grant*) di Borneo Utara, 1908-1938", *Bengkel Pascasiswazah: Sejarah Sebagai Disiplin Ilmu*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1 Disember 2012, hlm. 3.

37 Annual Report on Education for 1921, hlm. 210.

tahun 1921 terdapat sebuah sekolah yang terpaksa ditutup, namun bilangan pelajar yang mendapat pendidikan di sekolah kendalian misi Anglikan menunjukkan peningkatan iaitu kepada 319 orang. Jumlah ini terus meningkat kepada seramai 374 orang pada tahun 1922 dengan sembilan buah sekolah.<sup>38</sup> Sehingga tahun 1930, terdapat lapan buah sekolah milik misi Anglikan dengan bilangan pelajar berdaftar seramai 439 orang. Walaupun pada tahun 1940 tiada sebarang pertambahan sekolah, namun bilangan pelajar yang mendaftar meningkat kepada 807 orang. Kebanyakan sekolah yang dikelola oleh misi Anglikan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar kedua.

Sementara itu, inisiatif misi Basel untuk memberi pendidikan kepada penduduk dibuat menerusi pembinaan Sekolah Saint Peter di Kudat pada tahun 1890 diikuti Sekolah Rendah Lok Yuk di Sandakan dan *Anglo-Chinese School* di Papar.<sup>39</sup> Sehingga tahun 1920, misi Basel telah membina tujuh buah sekolah dengan bilangan pelajar seramai 179 orang.<sup>40</sup> Jumlah pelajar kemudiannya meningkat kepada 276 orang pada tahun 1921 dengan bilangan sekolah sebanyak 10 buah.<sup>41</sup> Berbeza dengan misi Roman Katolik dan Anglikan yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, misi Basel pula lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Keadaan ini sedikit sebanyak telah menarik minat masyarakat Cina di Sabah untuk mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah yang dikendalikan oleh misi Basel.

Selain misi Basel, kemunculan sekolah aliran Cina di Sabah juga didorong oleh peranan yang dimainkan oleh individu, komuniti Cina dan dewan perniagaan. Misalnya, Sekolah Tong Fah di Tawau diasaskan oleh Chong Ken Kuen yang juga menjadi pengetua sekolah berkenaan.<sup>42</sup> Mekanala Sekolah Wa Kiaw Hok Hok di Tempasuk pula dibiayai sendiri oleh komuniti Cina di Kota Belud.<sup>43</sup> Sementara sekolah di Jesselton yang diketuai oleh Yuen Tszu pula dibina atas usaha *Chinese Chamber of Commerce*.<sup>44</sup> Sama seperti sekolah yang dikelola oleh mubaligh Kristian, sekolah vernakular Cina juga turut menunjukkan perkembangan yang pesat. Pada tahun 1917, terdapat 22 buah sekolah Cina di Sabah sebelum meningkat kepada 37 buah pada tahun 1925 dan 59 buah pada tahun 1940.<sup>45</sup> Umumnya, sekolah Cina menggunakan sistem kurikulum sebagaimana sekolah Cina di negara China yang memberi perhatian kepada mata pelajaran matematik, pengetahuan am, pengajian sosial, ilmu alam, sivik, kesihatan dan pertukangan tangan.<sup>46</sup>

Berdasarkan perbincangan yang di atas, jelas menunjukkan bahawa kumpulan mubaligh Kristian dan komuniti Cina memainkan peranan yang lebih awal berbanding SBBU dalam menyediakan pendidikan formal kepada penduduk Sabah. Kesungguhan mereka untuk membangunkan pendidikan dan kebebasan yang diberikan oleh SBBU telah membuka ruang kepada mubaligh Kristian dan komuniti Cina untuk merangka sistem pendidikan mengikut

38 Annual Report on Education for 1922, hlm. 361.

39 Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*, hlm. 163.

40 Annual Report on Education for 1922, hlm. 361.

41 *Ibid.*

42 *Ibid.*, hlm. 362.

43 Annual Report on Education for 1922, hlm. 362.

44 Annual Report on Education for 1921, hlm. 212.

45 Danny Wong Tze-ken, *The Transformation of an Immigrant Society*, London: ASEAN Academic Press, 1998, hlm. 104; Tregonning, K. G., *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, hlm. 227.

46 Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*, hlm. 186.

acuan mereka sendiri. Kesan daripada ini bukan sahaja membawa kepada pembentukan sistem pendidikan pelbagai aliran, malah telah memperkukuhkan sistem persekolahan yang diamalkan kumpulan tersebut.

Perkembangan yang ditunjukkan oleh sekolah Inggeris dan Cina turut mendapat respons dari pihak kerajaan untuk terlibat sama dalam membangunkan pendidikan. Memasuki fasa pengukuhan pentadbirannya pada awal abad ke-20, SBBU mula memberi perhatian secara langsung kepada keperluan untuk menjaga hak dan kepentingan penduduk tempatan. Dengan berakhirnya siri penentangan pada tahun 1915, kuasa dan pentadbiran SBBU di Sabah semakin kukuh. Gerakan penentangan yang dilakukan oleh pemimpin sebelum ini dilihat tidak menjejaskan kedudukan SBBU sebaliknya mengukuhkan lagi cengkamannya.<sup>47</sup>

Pada masa yang sama, kedudukan ekonominya mula menunjukkan perkembangan hasil aktiviti mengeksport sarang burung, industri getah dan kayu balak. Kejayaan SBBU menghapuskan pemberontakan membolehkannya menguasai kawasan gua yang kaya dengan sarang burung untuk dijadikan komoditi eksport yang menguntungkan dengan Hong Kong. Sementara tanaman getah yang diperkenalkan pada lewat tahun 1890-an juga menunjukkan potensi hasil usaha kerajaan yang menggalakkan pelaburan asing dan pengecualian cukai. Pada tahun 1915, keluasan tanaman getah di Sabah mencecah 31,046 ekar yang memberi pulangan eksport sebanyak 2,353,411 *pound*.<sup>48</sup> Keuntungan yang diperoleh menerusi aktiviti mengeksport getah terus menunjukkan peningkatan kepada 9,195,434 *pound* dengan keluasan tanaman getah 51,865 ekar.<sup>49</sup> Manakala sektor pembalakan juga turut menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan menerusi kemunculan syarikat-syarikat besar seperti *British Borneo Trading, Planting Company* dan *British Borneo Timber Company*.<sup>50</sup> Secara ringkasnya, perkembangan positif yang ditunjukkan oleh SBBU membolehkannya memberi tumpuan kepada penstrukturan semula pentadbiran dalam segala hal ehwal kehidupan termasuklah aspek pendidikan.

Sememangnya Piagam Diraja yang menjadi garis panduan kepada SBBU untuk menjalankan pentadbirannya tidak menyatakan dengan jelas berhubung keperluan untuk menyediakan pendidikan. Keadaan ini membuatkan pihak kerajaan bebas untuk menentukan hala tuju pembangunan pendidikan mengikut falsafahnya. Menggunakan pendekatan yang berbeza dari mubaligh Kristian dan komuniti Cina, pihak kerajaan memberi perhatian kepada pendidikan dalam bahasa Melayu sebagai falsafah dan amalannya. Manifestasi untuk menyediakan pendidikan dalam bahasa Melayu dicetuskan oleh rasa tidak puas kerajaan terhadap perkembangan pendidikan pada ketika itu yang dilihat boleh menjejaskan *status quo* penduduk tempatan. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kebanyakan sekolah yang dikelolakan oleh mubaligh Kristian menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Bagi mubaligh Kristian, penggunaan bahasa Inggeris merupakan sesuatu yang sangat penting sebagai instrumen penyebaran agama Kristian. Namun dari perspektif SBBU pula, langkah tersebut merupakan sesuatu yang boleh menjejaskan *status quo* masyarakat dan ia

---

47 Bilcher Bala, Pembentukan dan Perkembangan Persempadanan North Borneo/Negeri Sabah Selepas Tahun 1881, *Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2012, hlm. 93.

48 Siti Aidah Haji Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran*, hlm. 78.

49 *Ibid.*

50 Barbara Watson Andaya & Leonard Y., *Sejarah Malaysia*, hlm. 255.

bertentangan sama sekali dengan dasar SBBU. Melihat kepada keadaan ini, D. R. Maxwell dalam suratnya kepada Gabenor bertarikh 14 Mac 1921 menyatakan bahawa '*high time for them to take up their own responsibility rather than subsidise others who would spoil the native an educational mixture of a very doubtful quality*'.<sup>51</sup> Malah semasa dilantik menjadi Pengarah Urusan SBBU bagi menggantikan Cowie, Sir West Ridgeway turut menzahirkan kebimbangan terhadap pendidikan pada ketika itu dan menyedari bahawa penting bagi pihak kerajaan memberi perhatian terhadapnya. Rentetan daripada itu, pihak kerajaan mula mengambil inisiatif dengan menubuhkan sekolah kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Pada tahun 1921, pihak kerajaan telah membuka dua buah sekolah di Kota Belud dan Papar yang diletakkan di bawah kelolaan residen. Semasa awal penubuhannya, sekolah di Papar yang diketuai oleh Md. Husin bin Baba dan dibantu oleh Md. Zin bin Md. Moli mempunyai bilangan pelajar seramai 22 orang sebelum menurun kepada 15 orang pada penghujung tahun 1921.<sup>52</sup> Bilangan pelajar yang mendaftar kemudiannya meningkat kepada 32 orang pada penghujung tahun 1922.<sup>53</sup> Sementara sekolah di Kota Belud pula mempunyai bilangan pelajar sekitar 10-17 orang pada awal pembukaannya sebelum meningkat kepada 34 orang pada tahun 1922.<sup>54</sup> Berikutnya, pada tahun 1922, pihak kerajaan telah membina dua buah sekolah lagi di Keningau dan Menumbok. Abdul Rahin telah dilantik menjadi pengetua sekolah di Keningau dengan dibantu oleh Md. Yunus. Pada peringkat awal penubuhannya, sekolah di Keningau memperlihatkan sambutan yang begitu menggalakkan daripada penduduk tempatan. Hal ini dapat dilihat menerusi bilangan pelajar yang mendaftar iaitu seramai 63 orang sebelum meningkat kepada 70 orang pada tahun 1924.<sup>55</sup> Manakala sekolah di Menumbok yang diketuai oleh Abdul Rahman pula mencatatkan bilangan pelajar seramai 46 orang pada peringkat awal penubuhannya.<sup>56</sup> Bilangan pelajar yang ramai di kedua-dua buah sekolah berkenaan adalah disebabkan oleh kerjasama dari penduduk tempatan yang disifatkan oleh Tregonning sebagai '*the natives with a slight sense of Muslim culture in their memories of royal Brunei, and their acceptance of a Malay education all else shunned it sustained those schools*'.<sup>57</sup>

Kesungguhan pihak kerajaan untuk menjadikan pendidikan dalam bahasa Melayu sebagai identiti kepada dasar dan falsafah pendidikannya telah membawa kepada penubuhan beberapa buah lagi sekolah. Antaranya di Tawau, Sandakan, Jesselton, Pimping, Bundu, Sipitang dan Tambunan. Selain memberi perhatian kepada penyediaan institusi pendidikan, pihak kerajaan turut mengambil beberapa langkah lain untuk menarik minat penduduk tempatan mendapatkan pendidikan. Antaranya memperkenalkan hadiah kedatangan bagi memastikan para pelajar menghadiri diri ke sekolah di samping memberi pakaian seragam secara percuma. Usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ini sedikit sebanyak telah membantu perkembangan pendidikan dalam kalangan penduduk di Sabah. Sejak penubuhan

51 Sabihah Osman, *The Development of Native Education in Sabah, Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah*, Kota Kinabalu: Yayasan Sabah, 12-16 Ogos, 1981, hlm. 18.

52 Annual Report on Education for 1921, hlm. 210.

53 Annual Report on Education for 1922, hlm. 360.

54 Annual Report on Education for 1921, hlm. 210 & Annual Report on Education for 1922, hlm. 360.

55 Annual Report on Education for 1922, hlm. 360 & Annual Report on the Education Department for 1925, hlm. 105.

56 Annual Report on Education for 1922, hlm. 360.

57 Tregonning, K. G., *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*, hlm. 220.

sekolah kerajaan pada tahun 1921 sehingga tahun 1935, bilangan pelajar menunjukkan pertambahan walaupun sepanjang tempoh tersebut bilangannya tidak konsisten. Pada tahun 1921, terdapat seramai 40 orang pelajar di tiga buah sekolah kerajaan. Sehingga tahun 1935, bilangan pelajar telah mencecah 584 orang di lapan buah sekolah kerajaan.

**Jadual 1: Bilangan Sekolah dan Pelajar di Sekolah Kerajaan, 1921-1940**

Tahun	Bilangan Sekolah Kerajaan	Bilangan Pelajar
1921	3	40
1922	4	175
1923	n.a	n.a
1924	4	136
1925	4	222
1926	8	331
1927	8	296
1928	8	362
1929	8	299
1930	10	377
1931	10	321
1932	8	306
1933	8	397
1934	8	408
1935	8	584
1936	13	1,016
1937	16	1,175
1938	18	1,347
1939	21	1,313
1940	28	1,663

Sumber: Sabihah Osman, *The Development of Native Education in Sabah, 1881-1941*, hlm. 27.

Berdasarkan statistik dalam Jadual 1, bilangan pelajar dan sekolah kerajaan mula menunjukkan pertambahan yang ketara pada tahun 1936. Keadaan ini dipengaruhi oleh perubahan pentadbiran SBBU sebaik sahaja Douglas J. Jardine dilantik menjadi Gabenor pada tahun 1934. Beliau merupakan seorang yang begitu menitikberatkan kebajikan penduduk tempatan sama ada dari segi pentadbiran institusi peribumi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.<sup>58</sup> Semasa menjalankan pentadbirannya, Gabenor Jardine telah mengstrukturkan semula Majlis Penasihat Ketua-ketua Anak Negeri (*Native Chiefs Advisory Council/NCAC*) dengan menambah

58 Sabihah Osman, *Pentadbiran Pribumi Sabah, 1881-1941*, hlm. 34.

bilangan ahli dan memulakan penggunaan agenda dalam NCAC.<sup>59</sup> Menerusi penggunaan agenda, Gabenor Jardine memperuntukkan semua residen membuat senarai cadangan dari ketua-ketua daerah sebelum dibahaskan di dalam NCAC. Langkah ini setidak-tidaknya memberi ruang kepada pemimpin peribumi untuk mengemukakan cadangan berhubung penambahbaikan pendidikan dalam kalangan penduduk tempatan. Misalnya Pengiran Serudin mencadangkan agar pihak kerajaan memberi keutamaan kepada pelajar lepasan sekolah kerajaan untuk menjawat jawatan sebagai kerani kerajaan.<sup>60</sup> Selain itu, ketua-ketua anak negeri juga telah mengusulkan supaya kerajaan menambah bilangan sekolah untuk membolehkan lebih ramai penduduk tempatan mendapat pendidikan. Lanjutan daripada cadangan yang dibuat, bilangan sekolah kerajaan mula menunjukkan pertambahan dari lapan buah sekolah pada tahun 1935 kepada 28 buah sekolah pada tahun 1940.

Merujuk kepada sistem kurikulumnya pula, sekolah menyediakan kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Para pelajar juga didedahkan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Geografi, Sejarah, lukisan, ilmu pertanian dan kesihatan.<sup>61</sup> Malah terdapat sekolah yang mempunyai kebunnya sendiri untuk mengajar para pelajar asas-asas pertanian. Langkah ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk memastikan penduduk tempatan mengekalkan *status quo* mereka dengan kembali menjadi petani walaupun setelah tamat pengajian kelak. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Administration Report, 1940* bahawa, '*The expressed intention of Government vernacular education is to train native boys to be good citizens and good cultivators of the soil*'.<sup>62</sup> Bagi memastikan matlamat tersebut tercapai, Gabenor Jardine telah menambah dua kurikulum baru iaitu pendidikan jasmani dan berkebun dalam sistem kurikulum di sekolah kerajaan. Hasilnya, pada tahun 1939, sebanyak 14 buah sekolah mempunyai kebun pertaniannya sendiri.

Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan penglibatan pelbagai pihak, iaitu kerajaan, mubaligh Kristian dan komuniti Cina dalam membangunkan pendidikan di Sabah. Situasi ini seterusnya telah membawa kepada kewujudan tiga sistem persekolahan atau aliran yang berbeza. Jika dilihat dari satu sudut, peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga pihak berkenaan membuatkan sistem pendidikan di Sabah menunjukkan perkembangan yang berbeza sama sekali dengan keadaan sebelumnya. Namun begitu, jika dinilai secara spesifik ketiga-tiga sistem persekolahan tersebut, jelas menunjukkan kadar perkembangan yang jauh berbeza antara antara satu sama lain.

## Manifestasi Kerajaan terhadap Pendidikan Pelbagai Aliran

Kemunculan sekolah pelbagai aliran di Sabah ternyata mendapat reaksi yang tersendiri daripada pihak kerajaan. Walaupun kemunculan sekolah-sekolah berkenaan telah membantu memajukan

59 *Ibid.*, hlm. 37.

60 Sabihah Osman, The Role of Governor D. J. Jardine in Improving the Welfare of the Indigenous People of Sabah, 1934-37, *Journal of Southeast Asian Studies*, 20(2), September 1989, hlm. 201.

61 C. O. 648/22, State of North Borneo: Administration Report, 1940, Sandakan: The Government Printing Office, North Borneo, 1941, hlm. 22; Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, hlm. 275.

62 C. O. 648/22, State of North Borneo: Administration Report, 1940, Sandakan: The Government Printing Office, North Borneo, 1941, hlm. 22.

sistem pendidikan di Sabah, namun perkara tersebut tetap memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan. Hal ini disebabkan pihak kerajaan berusaha menjadikan pendidikan dalam bahasa Melayu sebagai identiti kepada dasar pendidikannya sebagaimana yang dilakukan oleh pihak British di NNMB. Bagi pihak kerajaan, pendidikan dalam bahasa Melayu sudah memadai untuk penduduk tempatan sesuai dengan matlamatnya untuk mengekalkan mereka dalam keadaan asal iaitu sebagai petani. Sebaliknya, pendidikan Inggeris dilihat akan mengubah *status quo* dan membolehkan penduduk tempatan khususnya orang Melayu untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan kerajaan. Justeru, manifestasi kerajaan terhadap pendidikan pelbagai aliran ini lebih tertumpu kepada pendidikan Inggeris dan Melayu. Bagi sekolah Cina, pihak kerajaan memberi kebebasan kepada komuniti Cina untuk menguruskannya sendiri dengan hanya dipantau oleh nazir setiap tahun. Selain itu, beberapa peraturan diperkenalkan seperti *The Supervision of Alien Missionaries Ordinance 1919*, Ordinan Buku Teks 1931 dan Ordinan Pendaftaran Guru 1932 bertujuan mengawal pengaruh dari China sama ada melalui buku teks atau guru di sekolah Cina di Sabah.<sup>63</sup>

Merujuk kepada pendidikan Inggeris, pihak kerajaan sememangnya tidak memberi perhatian secara langsung terhadap penyediaannya. Sejak mula mentadbir Sabah sehingga menjelang Perang Dunia Kedua, tiada satu pun sekolah Inggeris yang dibina oleh pihak kerajaan. Malah pihak kerajaan turut menafikan pendidikan Inggeris sebagai salah satu mata pelajaran dalam sistem kurikulum di sekolah kerajaan. Tidak dinafikan terdapat beberapa pemimpin tempatan yang menggunakan persidangan NCAC untuk memperjuangkan pendidikan Inggeris kepada penduduk tempatan khususnya orang Melayu. Contohnya, semasa persidangan NCAC pada tahun 1935, ahli majlis menggesa pihak kerajaan menyediakan pendidikan Inggeris di sekolah-sekolah Melayu yang terletak jauh dari Jesselton dan Sandakan.<sup>64</sup> Dalam hal ini, Orang Kaya-kaya Yahaya melihat langkah tersebut akan membolehkan anak-anak Melayu bersaing dengan orang Cina untuk mendapatkan tempat dalam perkhidmatan kerajaan.<sup>65</sup>

Walau bagaimanapun, cadangan yang dibuat tidak diterima oleh pihak kerajaan kerana melihat tiada keperluan mendesak untuk memberi pendidikan Inggeris kepada penduduk tempatan khususnya orang Melayu. Malah Gabenor Jardine yang begitu menitikberatkan aspek pendidikan dalam menjalankan pentadbirannya turut menentang usaha pemimpin-pemimpin tempatan untuk menyediakan pendidikan Inggeris kepada penduduk tempatan. Hal ini sebagaimana yang dinyatakannya semasa persidangan NCAC yang berlangsung pada 22 Jun 1936 bahawa:

*The object of the vernacular school is not to train government clerks... It is true that occasionally a gifted boy will be given a government scholarship to take him to a mission school where he will receive further education which will fit him to become a clerk... there will be a few cases. It is true also that there are government posts requiring less education which are open to vernacular schoolboys. But the great majority of the boys will go back to the land as cultivators, and it is to train them for this and to teach them*

---

63 Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*, hlm. 237-243.

64 Sabihah Osman, *The Role of Governor D. J. Jardine in Improving the Welfare of the Indigenous People of Sabah, 1934-37*, hlm. 201.

65 *Ibid.*

*to be good citizens that the education at the vernacular school is intended. For example, the physical training, which was so successfully introduced during the last twelve months, is designed so that they may have strong and healthy bodies which are so essential to a cultivator. The simple arithmetic which they learn in the classrooms is to assist them to keep simple accounts of what they earn and spend. The reading and writing of Malay in Arabic script are to enable them to correspond with their fellows... We hope to make the boys good citizens and good cultivators. In these difficult times it is only with health, strength and intelligence that a cultivator in North Borneo or anywhere else can hope to make a comfortable living and it is these qualities which we hope to inculcate in the boys. It would be most wrong to train these boys to be clerks when we know that the number of clerkships in North Borneo is very small...*<sup>66</sup>

Di sebalik ketegasan ini, jelas menggambarkan kesungguhan pihak kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai amalan pendidikannya selain melihat tiada keperluan mendesak untuk menyediakan pendidikan Inggeris. Secara teori, sememangnya pihak kerajaan berpendapat tiada kepentingan untuk memberi pendidikan Inggeris kepada penduduk tempatan khususnya mereka yang belajar di sekolah kerajaan. Namun secara praktikalnya, pihak kerajaan sendiri yang memberi galakan kepada perkembangan pendidikan Inggeris menerusi penubuhan sekolah Inggeris oleh mubaligh Kristian. Dengan kata lain, walaupun tidak menggalakkan pendidikan Inggeris, namun dalam keadaan-keadaan tertentu, pihak kerajaan sendiri memberi bantuan dan galakan kepada pembinaan sekolah Inggeris.

Hal ini dapat dinilai menerusi pemberian bantuan kewangan kepada perbadanan persendirian menerusi *Capitation Grant* sebelum digantikan dengan *Block Grant*. Pada tahun 1908, pihak kerajaan telah melaksanakan skim *Capitation Grant* untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada tiga badan misi iaitu Roman Katolik, Anglikan dan Basel. Bantuan sebanyak \$1,400 diberi untuk diagih-agihkan kepada ketiga-tiga badan misi berkenaan. Pada tahun 1913, kerajaan telah menstrukturkan semula pemberian bantuan mengikut bahasa pengantar yang digunakan. Bagi sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris, bantuan sekitar 50 sen sehingga \$7 untuk 100 orang pelajar mengikut darjah manakala bagi sekolah yang menggunakan bahasa Cina pula, bantuan yang diberikan ialah sekitar \$1.50 untuk 100 pelajar.<sup>67</sup> Melihat kepada kadar bantuan yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan lebih mengutamakan sekolah Inggeris. Hal ini jelas dinyatakan oleh *School Inspector* kepada Presiden *Chinese Chamber of Commerce* bahawa “*A Capitation Grant may be paid to any other school whose curriculum includes to teaching of English to the satisfaction of the inspector of schools, provided that other conditions and the respectability of supervisors are satisfactory*”.<sup>68</sup>

---

66 *Ibid.*, hlm. 209.

67 Untuk maklumat lanjut mengenai kadar bantuan yang diberikan menerusi *Capitation Grant*, lihat Lisbon Malison, *Bantuan Dana Pendidikan (Capitation Grant dan Block Grant) di Borneo Utara, 1908-1938, Bengkel Pascasiswazah: Sejarah Sebagai Disiplin Ilmu*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1 Disember 2012, hlm. 6-11.

68 Lisbon Malison, *Bantuan Dana Pendidikan (Capitation Grant dan Block Grant) di Borneo Utara, 1908-1938*, hlm. 8.

Ketetapan yang dibuat oleh pihak kerajaan bukan sahaja menafikan hak-hak sekolah vernakular Cina,<sup>69</sup> malah turut memberi kesan kepada sekolah kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu. Walaupun sekolah Melayu diasaskan sendiri oleh kerajaan, namun dari segi peruntukan jelas menunjukkan berlaku *double standart* apabila kerajaan memberi lebih perhatian kepada sekolah Inggeris. Buktinya, pada tahun 1921, kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak \$1,391.44 untuk sekolah Melayu berbanding \$1,864.20 untuk sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris.<sup>70</sup> Manakala pada tahun 1926, pihak kerajaan memberi peruntukan kepada misi mubaligh Kristian sebanyak \$6,332.54 berbanding \$5,671.88 untuk sekolah kerajaan.

Pada tahun 1931, kerajaan telah menstrukturkan semula pemberian bantuan kewangan dengan memperkenalkan skim *Block Grant*. Berbeza dengan *Capitation Grant*, skim yang diperkenalkan ini memberi bantuan kewangan secara tetap kepada setiap sekolah yang layak mendapat bantuan. Misalnya, sekolah yang dikelola oleh Roman Katolik mendapat bantuan tahunan sebanyak \$3,600; sekolah Anglikan sebanyak \$2,000-2,100 dan sekolah Basel sebanyak \$2,000. Berdasarkan kepada kadar bantuan yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa sekolah yang dikendalikan oleh misi Roman Katolik mendapat peruntukan yang lebih banyak berbanding sekolah Anglikan dan Basel. Hal ini disebabkan sekolah Roman Katolik kebanyakannya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Keadaan ini menunjukkan penstrukturkan bantuan kewangan sama sekali tidak mengubah persepsi pihak kerajaan terhadap pendidikan Inggeris.

**Jadual 2: Bantuan Kewangan yang Diberikan oleh Pihak Kerajaan, 1908-1938**

Tahun	Roman Katolik	S. P. G.	Basel	Lain-lain	Jumlah
1908	598.54	340.82	200.64	-	\$1,140.00
1909	558.48	366.12	215.40	-	1,140.00
1910	534.20	335.44	270.36	-	1,140.00
1913	899.34	550.49	864.93	-	2,314.36
1914	1,002.62	832.84	1,226.00	-	3,061.36
1915	1,037.02	1,006.07	1,110.63	-	3,153.72
1916	1,059.33	1,001.41	1,184.54	-	3,245.28
1917	1,255.82	1,179.13	1,026.66	-	3,461.61
1918	1,267.28	1,246.66	926.44	-	3,440.38
1919	1,416.68	1,219.68	818.38	100.00	3,554.74
1920	1,451.90	1,090.27	634.19	-	3,176.39
1921	1,543.39	971.99	787.93	49.78	3,353.39

69 Tidak dinafikan terdapat beberapa sekolah vernakular Cina yang mendapat bantuan kewangan menerusi skim *Capitation Grant* ini. Antaranya Sekolah Chan Ah Fook dan Sekolah Kung Wun yang menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Keterangan lanjut lihat dalam Lisbon Malison, *Bantuan Dana Pendidikan (Capitation Grant dan Block Grant) di Borneo Utara, 1908-1938*, hlm. 9.

70 C. O. 648/9, hlm. 210. Sabihah Osman, *The Development of Native Education in Sabah, 1881-1941*, hlm. 16.

## MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH

Tahun	Roman Katolik	S. P. G.	Basel	Lain-lain	Jumlah
1922	2,605.21	1,337.56	932.18	130.11	\$5,005.06
1923	2,986.17	1,601.02	999.91	107.58	5,694.68
1924	2,966.39	1,515.77	1,472.66	148.48	6,103.30
1925	2,913.09	1,267.14	1,789.01	114.87	6,084.11
1926	3,206.03	1,218.49	1,773.49	134.53	6,332.54
1927	3,162.31	1,454.78	1,363.99	114.33	6,095.41
1928	3,334.23	1,743.09	1,498.92	275.90	6,852.14
1929	3,579.56	1,957.91	1,946.07	244.64	7,728.18
1930	3,788.82	1,944.88	2,079.83	169.04	7,980.57
1931	3,600.00	2,000.00	2,000.00	100.00	7,700.00
1932	3,600.00	2,000.00	2,000.00	100.00	7,700.00
1933	3,600.00	2,000.00	2,000.00	100.00	7,700.00
1934	3,600.00	2,100.00	2,000.00	-	7,700.00
1935	3,600.00	2,100.00	2,000.00	100.00	7,800.00
1936	3,600.00	2,100.00	2,000.00	100.00	7,800.00
1937	3,600.00	2,100.00	2,000.00	100.00	7,800.00
1938	3,600.00	2,100.00	2,000.00	100.00	7,800.00

*Sumber:* Lisbon Malison, Bantuan Dana Pendidikan (*Capitation Grant dan Block Grant*) di Borneo Utara, 1908-1938, hlm. 10-15.

Selain bantuan kewangan, tindakan kerajaan memberi bantuan biasiswa kepada para pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka di sekolah Inggeris jelas membuktikan kerajaan sebenarnya mementingkan pendidikan Inggeris. Mulai tahun 1930, pihak kerajaan telah memperkenalkan bantuan biasiswa sebanyak \$240 setahun kepada pelajar yang layak.<sup>71</sup> Bagi pelajar yang mendapat biasiswa dan berjaya menamatkan pengajian di sekolah Inggeris, mereka akan diterima bekerja dalam perkhidmatan kerajaan. Pada tahun 1931, seramai enam orang pelajar telah ditawarkan biasiswa kerajaan untuk melanjutkan pengajian di Sekolah St. Michael dan St Mary yang terletak di Sandakan. Sehingga tahun 1940, seramai 47 orang pelajar telah diberi bantuan biasiswa dan 42 orang daripadanya telah diserap masuk ke dalam perkhidmatan kerajaan.<sup>72</sup>

Berdasarkan bantuan kewangan dan biasiswa yang diberikan, jelas menunjukkan pihak kerajaan menitikberatkan pendidikan Inggeris walaupun dari segi amalannya, pihak kerajaan hanya menumpukan perhatian kepada pendidikan dalam bahasa Melayu. Tindakan kerajaan ini membolehkan mubaligh Kristian bergerak secara aktif dalam membangunkan

71 Annual Report on the Education Department for 1930, hlm. 73.

72 C. O. 648/22, State of North Borneo: Administration Report, 1940, Sandakan: The Government Printing Office, North Borneo, 1941, hlm. 24.

sekolah Inggeris. Situasi ini telah berjaya meletakkan mubaligh Kristian dan sekolah Inggeris sebagai pelopor kepada kemajuan pendidikan di Sabah. Hal ini dapat dinilai menerusi bilangan sekolah dan pelajar di sekolah Inggeris yang jauh lebih ramai jika dibandingkan dengan sekolah dan pelajar di sekolah kerajaan yang menggunakan bahasa Melayu. Pada tahun 1921, terdapat sebanyak 25 buah sekolah yang dikendalikan oleh mubaligh Kristian sebelum meningkat kepada 38 buah sekolah pada tahun 1925; 40 buah sekolah (1930), 47 buah sekolah (1935) dan 52 buah sekolah (1940). Bilangan pelajarnya pula meningkat daripada 1,299 orang pada tahun 1921 kepada 1,746 orang pada tahun 1925, 2,369 orang (1930), 3,098 orang (1935) dan 3,918 orang (1940).

Bagi sekolah kerajaan pula, pada tahun 1921, hanya tiga buah sekolah dibina sebelum meningkat kepada empat buah sekolah pada tahun 1925. Bilangan sekolah kerajaan terus menunjukkan peningkatan pada tahun 1930 kepada 10 buah sekolah dan menjelang tahun 1940, terdapat sebanyak 28 buah sekolah kerajaan. Selaras dengan pertambahan bilangan sekolah, jumlah murid yang berdaftar turut menunjukkan peningkatan. Pada awal penglibatan kerajaan dalam membangunkan sekolah Melayu, hanya terdapat seramai 40 orang pelajar sahaja yang mendaftar. Jumlah ini kemudiannya meningkat kepada 222 orang pada tahun 1925 dan meningkat kepada 377 orang pada tahun 1930 dan 584 orang pada tahun 1935. Sehingga tahun 1940, terdapat 1,663 orang pelajar yang mendaftar di sekolah kerajaan. Sememangnya sekolah kerajaan turut menunjukkan perkembangan sebagaimana sekolah yang dikelola oleh mubaligh Kristian. Namun begitu, jika dibandingkan dengan sekolah mubaligh Kristian, jelas kadar perkembangannya jauh berbeza. Sejak tahun 1921 sehingga tahun 1940, misi mubaligh Kristian telah membina 307 buah sekolah dengan bilangan pelajar berdaftar seramai 17,460 orang. Sementara bilangan sekolah yang dibina oleh pihak kerajaan bagi tempoh yang sama hanya 61 buah sekolah dengan bilangan pelajar seramai 3,197 orang.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan kepada perbincangan yang dibuat, jelas menunjukkan pihak kerajaan berusaha menjadikan pendidikan dalam bahasa Melayu sebagai identiti kepada amalan dan dasar pendidikannya. Hal ini jelas ditunjukkan menerusi pendekatan yang digunakan seperti penubuhan sekolah Melayu selain menafikan pendidikan Inggeris di sekolah-sekolah kelolaannya walaupun cuba diperjuangkan oleh pemimpin peribumi. Malah jika dilihat penglibatan pihak kerajaan dalam bidang pendidikan juga dicetuskan oleh rasa tidak puas hati terhadap pendidikan Inggeris yang disediakan oleh mubaligh Kristian. Walau bagaimanapun, usaha pihak kerajaan untuk merealisasikan matlamatnya itu tidak begitu memberi kesan kepada perkembangan pendidikan di Sabah. Hal ini disebabkan pihak kerajaan tidak mempunyai sebarang dasar yang jelas untuk dijadikan garis panduan dalam mencorakkan pembangunan pendidikan. Sungguhpun pihak kerajaan tidak menggalakkan pemberian pendidikan Inggeris kepada penduduk tempatan, namun dalam keadaan tertentu pihak kerajaan sendiri yang memberi dorongan kepada perkembangan sekolah Inggeris. Bantuan yang diberikan kepada mubaligh Kristian membuatkan sekolah-sekolah Inggeris yang dikendalikan oleh misi berkenaan menunjukkan perkembangan. Hasil daripadanya telah meletakkan mubaligh Kristian dan sekolah Inggeris sebagai pelopor kepada kemajuan pendidikan di Sabah.

## Bibliografi

### Sumber Primer

- Annual Report on Education for 1921.  
 Annual Report on Education for 1922.  
 Annual Report on the Education Department for 1925.  
 Annual Report on the Education Department for 1930.  
 C. O. 648/22. 1941. State of North Borneo: Administration Report, 1940. Sandakan: The Government Printing Office, North Borneo.

### Sumber Kedua

- Andaya, Barbara Watson & Leonard Y. Andaya. 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: MacMillan.
- Bilcher Bala. 2012. Pembentukan dan Perkembangan Persempadanan North Borneo/Negeri Sabah Selepas Tahun 1881. *Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- D. S. Ranjit Singh. 2000. *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Danny Wong Tze-ken. 1998. *The Transformation of an Immigrant Society*. London: ASEAN Academic Press.
- Dayu Sansalu. 2013. *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah, 1881-1981*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Tassim Bin Haji Abu Bakar. 2003. Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906 – 1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam. *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*. 1(2):113-124.
- Black, Ian 1983. *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company Rule in Sabah, 1878-1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Allen, J. de V., A. J. Stockwell & L. R. Wright (pnyt.). 1981. *A Collection of Treaties and other Document Affecting the States of Malaysia, 1761-1963* (Vol. II), London: Oceania Publications.
- Jamdin Buyong. 1981. Perjuangan Peribumi Menentang Penjajahan di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat. *Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah*, Kota Kinabalu: Yayasan Sabah. 12-16 Ogos.
- Malison, Lisbon. 2012. Bantuan Dana Pendidikan (*Capitation Grant dan Block Grant*) di Borneo Utara, 1908-1938. *Bengkel Pascasiswazah: Sejarah Sebagai Disiplin Ilmu*, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. 1 Disember.
- Mohd Ariff bin Dato Haji Othman. 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-undang dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Gudgeon, Peter Spence, Economic Development in Sabah. 1981. 1881-1981, dlm Anwar Sullivan & Cecilia Leong (pnyt.) *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*. Kota Kinabalu: Sabah State Government Centerary.
- Sabihah Osman. 1981. The Development of Native Education in Sabah. *Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah*, Kota Kinabalu: Yayasan Sabah. 12-16 Ogos.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah, 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia – Yayasan Sabah.
- Sabihah Osman. September 1989. The Role of Governor D. J. Jardine in Improving the Welfare of the Indigenous People of Sabah, 1934-37. *Journal of Southeast Asian Studies*. 20(2).
- Sabihah Osman. 2012. Persempadanan Negeri Sabah: Konsep dan Taksiran, dlm. *Kumpulan Kertas-kertas Kerja Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. 2015. Perkembangan Pentadbiran di Sabah, 1881-1963, dlm. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Noor Ain Mat Noor (pnyt.). *Dasar dan Tadbir dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Aidah Haji Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Tregonning, K. G. 2007. *Under Chartered Company Rule: North Borneo, 1881-1946*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- Whelan, F.G. 1970. *A History of Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.